

25/11/1997

Menjana budaya ilmu dari dalam negara sendiri

Mohamadd Ikhsan

SEJAK negara merdeka 40 tahun lalu, ratusan ribu rakyat menerima pendidikan pengajian tinggi dalam pelbagai bidang ilmu di luar negara, terutama di negara Barat. Dasar menghantar pelajar menuntut di luar negara ini adalah selaras dengan usaha pembangunan sumber manusia yang sangat diperlukan untuk mengekal dan meningkatkan pembangunan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. Pelaksanaan dasar ini sememangnya bertepatan dengan keperluan semasa negara yang amat memerlukan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan, berkemahiran dan berketrampilan dalam bidang yang dijangka dapat memberi sumbangan untuk mengisi kemerdekaan.

Pastinya dasar itu dirangka dan dilaksanakan dengan penuh keprihatinan kerajaan berdasarkan kepada beberapa rasional tertentu. Antaranya ialah sewaktu dasar itu diluluskan, negara kita mengalami kekurangan pakar dalam semua bidang ilmu pengetahuan. Kedua, negara kita hanya mempunyai IPT yang terhad dari segi jumlah, kapasiti dan kualiti. Pertumbuhan ekonomi negara yang membanggakan pada masa ini sebahagiannya adalah hasil sumbangan tenaga manusia yang menerima pendidikan melalui dasar itu selain hasil sumbangan tenaga terpelajar yang dikeluarkan IPT tempatan. Sebahagian daripada mereka yang terdidik melalui dasar ini juga menjadi pemimpin berkaliiber, juga tenaga pakar yang giat mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing melalui pelbagai fakulti di IPT tempatan kerajaan atau swasta.

Perkembangan yang semakin pesat dalam sektor pendidikan ini dimantapkan lagi dengan termaktubnya Akta Pendidikan 1996 dan penstrukturan semula Kementerian Pendidikan yang memberi ruang dan peluang kepada penubuhan lebih banyak IPT swasta sama ada dengan bergabung dengan IPT awam tempatan atau IPT luar negara yang sebelum ini menerima pelajar kita. Dasar dan prosedur kemasukan warga asing bagi tujuan menjadi tenaga pengajar dan pelajar di IPT tempatan juga dikemaskinikan sebagai sokongan untuk merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin negara kita menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan menjadikan sektor pendidikan sebagai satu daripada perkhidmatan yang boleh dikomersilkan di peringkat serantau dan antarabangsa sebagaimana yang dilakukan di negara Barat.

Jika cadangan ini berjaya dilaksanakan, ia bukan saja dapat menjadikan negara kita sebagai sumber ilmu dan kemahiran serantau dan antarabangsa, tetapi juga akan menjadi pemangkin kepada perkembangan institusi pendidikan itu sendiri, mengukuhkan nilai mata wang negara dalam pasaran wang antarabangsa dan yang lebih utama ialah menyuburkan penghayatan budaya ilmu di kalangan rakyat tempatan sebagai asas penting untuk pembinaan tamadun ilmu dan ummah.

Untuk membolehkan negara kita menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau yang berkesan, kita perlu berusaha membina tradisi dan tamadun ilmu berteraskan kepada ciri-ciri sosiobudaya tempatan dan serantau kerana ilmu dan kemahiran yang didasari ciri-ciri seperti ini bukan saja akan menjadi rangka rujukan yang lebih tepat dan berkesan dalam usaha menggunakan ilmu sebagai asas perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara, malah ia amat penting sebagai asas kepada penyuburan tradisi dan tamadun ilmu tempatan dan serantau. Usaha ini harus juga diseimbangkan dengan realiti gelombang globalisasi dan liberalisasi yang semakin menuntut negara dan rantau kita cepat menyesuaikan diri sebagai ahli yang proaktif dan responsif dalam perkampungan global yang semakin kompetitif.

Pada hemat saya kesedaran, keyakinan dan sokongan individu, juga pihak penaja pengajian ijazah pertama di negara kita terhadap usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa, dapat ditingkatkan lagi apabila mereka memahami hujah berikut:

* Kita berhasrat melahirkan rakyat yang mempunyai daya suai, daya tahan, daya saing dan daya cipta yang tinggi selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Jika graduan yang dihasilkan melalui program pengajian di luar negara menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan keperluan keadaan pekerjaan sebenar dan memerlukan masa yang lama dan kos yang tinggi untuk mencapai tahap yang ditetapkan, ini bermakna program berkenaan tidak dapat menghasilkan mutu perkhidmatan yang dijangkakan pada awal perkhidmatan mereka.

Keadaan ini memaksa kita menjalankan program baik pulih yang sepatutnya, dapat dielakkan. Keadaan ini adalah tidak selaras dengan hasrat Rancangan Malaysia ketujuh yang mengutamakan produktiviti dan kualiti sebagai ciri teras ekonomi negara yang menjadikan nilai tambah produk sebagai strategi utama dalam menghadapi persaingan global;

* Golongan ilmuan timur dan Barat pada umumnya mula meragui keberkesanan tradisi dan keunggulan tamadun ilmu barat yang selama ini menjadi teras kepada kejayaan mereka dalam pelbagai bidang kehidupan terutama dalam bidang sains dan teknologi dan kemampuan menjadi daya tarikan sumber ilmu di kalangan negara-negara sedang membangun.

Golongan ilmuan ini mula menyedari kelemahan tradisi dan tamadun ilmu barat apabila kecemerlangan budaya amalan barat yang didasari tradisi dan tamadun ilmu mereka mula menampakkan kerapuhan dan kehilangan nilai daya saing, daya tahan dan daya suai apabila dicabar oleh perkembangan pesat negara membangun yang mula menunjukkan kemampuan membina tradisi dan tamadun ilmu yang berlandaskan ciri-ciri sosiobudaya tempatan.

Mereka mula menyedari dan mengkagumi kehebatan dan kekuatan tradisi dan tamadun ilmu pribumi yang dapat memberi kekuatan daya saing dan daya tahan dalam menghadapi cabaran global yang menjadi semakin kompetitif. Mereka juga mula menyedari kelemahan tradisi dan tamadun ilmu mereka apabila masyarakat yang mereka bina berteraskan kepada tradisi dan tamadun ilmu mereka mengalami pelbagai jenis penyakit sosial yang sehingga kini belum ditemui alternatif penyelesaian yang berkesan;

* Kita perlu memberi lebih tumpuan terhadap usaha untuk memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang kita timba selama ini dari Barat dan menyesuaikan kegunaannya untuk mengekal dan meningkatkan lagi pembangunan negara kita daripada terus menghantar ribuan pelajar untuk mempelajari bidang ilmu yang sudah mempunyai prasarana yang kukuh di negara kita. Tempoh empat dekad yang lalu sepatutnya mencukupi untuk kita mengumpulkan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas yang berteraskan tamadun ilmu luar negara.

Dalam tempoh yang sama sepatutnya kita sudah dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkenaan kepada generasi muda melalui IPT tempatan dengan mengoptimumkan penggunaan tenaga yang terlatih di luar negara. Program kembar antara institusi pendidikan tempatan kerajaan dan swasta yang kini menjadi pola semasa sepatutnya dijadikan sebagai peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di kalangan tenaga profesional tempatan dalam bidang yang mereka masih lemah dan menyemak semula program berkenaan apabila kita mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mantap dalam bidang berkenaan. Untuk mencapai matlamat ini, program kembar harus dilihat sebagai program pemindahan ilmu pengetahuan dan teknologi dan sebaliknya tidak terus dianggap sebagai satu-satunya cara untuk menjamin keunggulan mutu ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi berkenaan yang diharapkan

menjadi daya tarik pelanggan mereka. Pendekatan ini adalah sesuai dengan usaha memanfaatkan sumber tempatan secara optimum dan pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan kita kepada kepakaran luar negara secara beransur-ansur.

* Usaha memanfaatkan ilmu yang kita perolehi juga boleh ditumpukan kepada usaha untuk mengislamisasikan ilmu pengetahuan selaras dengan tuntutan untuk mengangkat martabat umat Islam melalui penyuburan tamadun dan budaya ilmu yang berteraskan budaya Islam yang mendasari kegemilangan tamadun Islam di zaman lampau. Usaha ini bukan saja dapat membantu meningkatkan keberkesanan usaha kerajaan menerapkan nilai Islam dalam amalan rakyat negara ini tetapi juga dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan Islam serantau dan antarabangsa.

* Laporan menunjukkan negara kita membelanjakan lebih daripada RM2 bilion setahun untuk membiayai pengajian ribuan pelajar di luar negara terutama di negara barat. Jika kita mengubah haluan dengan hanya menghantar pelajar kita belajar di Barat dalam bidang yang kita tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran dan meningkatkan insentif dan keupayaan IPT tempatan dalam bidang pengajian yang kita sudah mempunyai pengetahuan dan kemahiran, besar kemungkinan kita dapat menjimatkan sebahagian besar daripada kos yang kita belanjakan selama ini. Langkah ini bukan saja dapat menjimatkan perbelanjaan negara dalam bidang pendidikan dan latihan, tetapi juga dapat mengelakkan pengaliran keluar wang kita ke luar negara.

Pada masa yang sama kita dapat menggunakan wang yang dijamin itu untuk meningkatkan lagi kapasiti dan kualiti pendidikan tinggi di negara kita selaras dengan hasrat pendemokrasian pendidikan dan meningkatkan keyakinan rakyat negara serantau untuk melanjutkan pengajian mereka di negara kita.

* Segala bentuk maklumat, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi selama ini melalui usaha menuntut ilmu di luar negara perlu dikumpulkan, dianalisis, dinilai dan dikategorikan dalam suatu sistem maklumat yang bercorak makro dan mikro mengikut kesesuaiannya dengan matlamat, strategi serta program yang sedang dan akan dilaksanakan untuk membangunkan negara bangsa dalam menghadapi cabaran abad ke-21 dan Wawasan 2020. Maklumat ini boleh diubah suai dan digabungjalinkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui pengalaman juga program penyelidikan dan pembangunan tempatan bagi menghasilkan suatu sistem maklumat yang telus dan ampuh untuk menjadi pemangkin dan penentu hala tuju perancangan dan pelaksanaan semua program pembangunan negara.

Strategi ini dijangkakan dapat membantu pembinaan asas yang kukuh bagi mewujudkan suatu tradisi dan tamadun ilmu yang menjadi kuasa intelek, pemikiran kreatif, kecekalan, keazaman, kesungguhan dan kejituan akal hati, selaras dengan usaha 'menjana kekuatan baru' yang ditegaskan Anwar sewaktu merasmikan persidangan tahunan pergerakan Pemuda dan Wanita Umno 17 November 1994.

Tambahan pula, strategi itu bukan saja dapat menyumbang ke arah pembangunan negara yang beracuan Malaysia, tetapi menjadi pemangkin peningkatan kekuatan intelek, pemikiran kreatif dan kejituan akal hati dan kepekaan yang memungkinkan kita dapat membendung atau membanteras sesuatu masalah sebelum ia terjadi; dan

* Dalam era teknologi maklumat dan telekomunikasi yang semakin pesat berkembang, komunikasi dan interaksi manusia di seluruh dunia termasuk komunikasi dan interaksi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa bersemuka antara penyampai dan penerima.

Oleh itu Sekolah Bestari sebagai satu daripada tujuh aplikasi perdana dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), bukan saja bertujuan untuk

meningkatkan lagi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran melalui usaha mengoptimumkan potensi teknologi maklumat dan manusia dalam pelaksanaan proses berkenaan, tetapi juga sebagai wahana untuk memungkinan segala jenis pengetahuan dan kemahiran terkini dari seluruh dunia dapat dipelajari oleh rakyat negara ini tanpa memerlukan penuntut kita belajar di luar negara. Ringkasnya, program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) di peringkat IPT bukan saja perlu dioptimumkan potensinya untuk IPT tempatan memberi perkhidmatannya kepada rakyat tempatan, malah PJJ juga berpotensi untuk menyediakan kemudahan pembelajaran di IPT luar negara dengan kos yang lebih murah.

Sesungguhnya, anjakan daripada lebih mengutamakan IPT luar negara kepada keyakinan terhadap IPT tempatan untuk ijazah pertama bukan saja selaras dengan pelaksanaan dasar perkongsian pintar dan mengoptimumkan potensi sumber intelektual, tetapi dapat menjadikan negara pusat tamadun serantau dan pemimpin negara membangun sebagai persediaan menghadapi alaf mendatang yang penuh cabaran.

(END)